



JURNAL LINGUISTIK Vol. 28 (2) November 2024 (117-135)

Metafora Kemurungan dalam Media Sosial *Facebook*

¹Fatin Hakimah Mohammad Fadzil, ²Rozaimah Rashidin & ³Mohamad Nik Mat Pelet

¹fatinhakimah95@gmail.com, ²rozai451@uitm.edu.my & ³nikmat@uitm.edu.my

¹Pusat Pengajian Pascasiswazah (Penyelidikan), Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

^{2,3} Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

Tarikh terima : 29 September 2024
Received
Terima untuk diterbitkan : 03 November 2024
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2024
Published online

Abstrak

Pemakaian bahasa metafora dalam kalangan individu yang menghadapi masalah kemurungan atau *depression* dikenali sebagai metafora kemurungan. Asasnya, metafora berlandaskan kepada penggunaan kata atau ungkapan yang mempunyai maksud tersirat dan memerlukan penjelasan tertentu. Kewujudan istilah metafora kemurungan adalah hasil daripada pemanfaatan aspek metafora yang merangkumi keadaan masalah kemurungan seseorang. Dari segi bidang psikologi, metafora dalam kemurungan atau *metaphor of depression* dianggap sebagai salah satu perlambangan yang sangat relevan dalam menginterpretasikan pengalaman seseorang manusia. Namun, makna tersirat di sebalik metafora tidak menjadi perhatian utama dalam kalangan ahli psikologi kerana dianggap sebagai data mentah sahaja. Di sinilah perlunya tanggungjawab seseorang ahli bahasa untuk merungkainya secara lebih terperinci. Oleh hal yang demikian, kajian dikemukakan dengan memberi fokus kepada dua objektif utama yakni mengenal pasti kewujudan penggunaan metafora dalam kalangan pengguna media sosial yang mengalami masalah kemurungan dan menganalisis makna di sebalik metafora tersebut. Cakupan kedua-dua objektif tersebut dilihat sebagai suatu usaha untuk menyebarkan kesedaran (*spread awareness*) tentang masalah kemurungan di samping menambah helaian baharu dalam penyelidikan linguistik kognitif. Kajian kualitatif deskriptif ini menggunakan data daripada media sosial *Facebook* dan memanfaatkan Teori Metafora Konseptual (TMK) oleh Kövecses (2002) serta Prosedur Pengidentifikasian Metafora (PPM) oleh kumpulan Pragglejaz (2007). Hasil dapatan kajian membuktikan kewujudan metafora kemurungan dengan pemetaan metafora konseptual KEMURUNGAN ADALAH KECEDERAAN dan KEMURUNGAN ADALAH KERAPUHAN. Sememangnya, semasa berkomunikasi manusia sering menggunakan metafora untuk mengkonsepsikan entiti yang abstrak dan bersifat implisit dalam menjelaskan sesuatu konsep yang kompleks, rumit, dan baharu.

Kata kunci: Metafora; kemurungan; media sosial; Teori Metafora Konseptual; semantik kognitif

The Metaphor of Depression in Social Media Facebook

Abstract

The use of metaphorical language among individuals facing issues of depression is known as metaphor of depression. Essentially, metaphor is based on the use of words or expressions with implied meanings that require specific interpretation. The term metaphor of depression arises from the utilization of metaphorical aspects that encompass the state of an individual's depression. In psychology field, metaphor of depression considered highly relevant symbol in interpreting a person's experience. However, the implicit meaning behind metaphors is not the main focus among psychologists, as it is considered merely raw data. The responsibility of a linguist is necessary to elaborate on it in more detail. Therefore, the study is presented with a focus on two main objectives which to

identify the existence of metaphor among social media users experiencing depression and to analyze the meanings behind these metaphors. The scope of both objectives seen as an effort to spread awareness about depression while adding new insights to cognitive linguistic research. This descriptive qualitative study use data from Facebook social media and utilizes the Conceptual Metaphor Theory (CMT) by Kövecses (2002) as well as the Metaphor Identification Procedure (MIP) by the Pragglejaz Group (2007). The findings demonstrate the existence of depression metaphors with the conceptual metaphor mappings of *DEPRESSION IS INJURY* and *DEPRESSION IS FRAGILITY*. Indeed, during certain communication, humans tend to implement metaphors to conceptualize abstract and implicit entities when explaining complex, intricate, and novel concepts.

Keywords: Metaphor; depression; social media; Conceptual Metaphor Theory; semantic cognitive.

1. Pengenalan

Ungkapan tersembunyi yang memerlukan ‘kaca mata hati’ dalam pemahaman maknanya jelas menunjukkan unsur metafora. Hal ini demikian kerana, asasnya metafora bermakna pemakaian bahasa yang berbentuk abstrak dan tidak dapat dilihat yakni memerlukan penelitian yang mendalam untuk mentafsirnya bagi mendapatkan makna sebenar (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014). Lahirnya sesebuah metafora juga membuahkan tindak balas atau gerak balas (*response*) sistem kognisi manusia yang terhasil secara semulajadi. Asmah Haji Omar (2005) mengakui bahawa bahasa kiasan (metafora) hasil daripada gerak balas yang dibangkitkan oleh sesuatu *stimulus* atau rangsangan. Sebagai contoh, ungkapan ‘Deruman motosikal itu sangat membingitkan’ menunjukkan penggunaan metafora ‘membingitkan’ yang merupakan suatu gerak balas terhadap penerimaan deria manusia apabila mendengar bunyi motosikal tersebut.

Rangsangan dan gerak balas bukan hanya wujud apabila berlakunya bunyi, tetapi boleh berlaku pada apa sahaja yang boleh dipersepsi menerusi deria manusia seperti warna, gerak-geri, bentuk, saiz, bau, dan sebagainya (Asmah Haji Omar, 2005). Misalnya, Asmah Haji Omar (2005) memberikan contoh peribahasa “Bapa borek, anak rintik” yang dapat menjelaskan rangsangan atau *stimulus* berkaitan dengan penglihatan masyarakat Melayu dari segi pola tompok-tompok atau rintik-rintik; iaitu anak yang lebih kecil dan muda (rintik-rintik) mewarisi apa yang ada pada bapa yang lebih tua (borek-borek). Kebiasaannya, metafora sering dikaitkan penggunaannya dalam sesebuah penulisan yang berbentuk perumpamaan atau perbandingan, analogi, peribahasa, simpulan bahasa, pepatah, bahasa kiasan dan sindiran, bidalan, tamsil, ibarat, metonimi, personafikasi, dan sebagainya (Hassan Ahmad, 2003). Walau bagaimanapun, media sosial juga boleh dijadikan platform yang dapat dimanfaatkan oleh seseorang individu melalui pemakaian bahasa berunsurkan metafora. Hal ini selari dengan pandangan Reyes Pérez (2012) yang menyatakan bahawa media sosial membolehkan penggunaanya berkongsi pelbagai maklumat semasa terutamanya dalam mengesan perubahan berterusan sesuatu bahasa manusia (*continuous change in human language*), satu daripadanya ialah bahasa figuratif (*figurative language*) yang terdiri daripada metafora. Turut diakui media sosial memainkan peranan sebagai bentuk teknologi yang utama dalam kehidupan seharian manusia terutamanya untuk berinteraksi antara satu sama lain, menjadi medium penting dalam kehidupan seharian masyarakat, serta memudahkan urusan peribadi ataupun pekerjaan (Muhammad Aidil Fikri, 2023).

Seterusnya, penyelidikan semantik kognitif boleh terdiri daripada variasi tertentu, antaranya ialah metafora konseptual yang melibatkan pengkajian terhadap mekanisme kognitif (pemikiran) manusia dan konsep abstrak sesuatu perkara. Elemen utama metafora konseptual mencakupi dua domain yang saling berkaitan antara satu sama lain iaitu domain sumber dengan domain sasaran. Pendefinisian standard bagi metafora konseptual adalah dengan memahami domain pengalaman (*domain of experience*) / domain sasaran yang kebiasaannya bersifat abstrak menerusi domain lain (domain sumber) yang bersifat konkrit (Lakoff & Johnson, 1980). Di samping itu, sistem kognitif manusia dalam pemetaan kedua-dua domain memberi pendedahan tentang proses pemikiran individu yang berlandaskan kepada pengalaman sekeliling atau badaniah mereka (*embodied experience*). Proses pemikiran tersebut boleh melahirkan aspek metafora kemurungan.

Kemudian, terdapat dua istilah linguistik yang berkaitan dengan kemurungan iaitu bahasa kemurungan dan metafora kemurungan. Bahasa kemurungan lebih memfokuskan kepada cara individu

yang mengalami kemurungan meluahkan perasaan, pemikiran, dan pengalaman mereka menerusi aspek linguistik seperti perkataan dan pertuturan. Umaimah Kamarulzaman et al. (2015) memerikan bahasa kemurungan kepada bahasa yang digunakan sama ada berkomunikasi secara lisan atau tulisan dalam konteks kemurungan dan mengekspresikan diri melalui bahasa. Manakala, metafora kemurungan pula lebih memberi penelitian terhadap pemakaian bahasa kiasan, perumpamaan atau perbandingan yang berkonsepkan unsur abstrak bagi menggambarkan pengalaman berkenaan kemurungan. Charteris-Black (2012) menerangkan istilah 'kemurungan' atau '*depression*' itu sendiri ialah metafora: bertitik tolak daripada makna perkataan Latin '*deprimere*' yang membawa maksud 'tekanan ke bawah' ('*to press down*').

Bertepatan dengan ahli sarjana barat yang sering mengaitkan metafora '*black dog*' (anjing hitam) sebagai suatu keadaan menerangkan kemurungan, Foley (2005) misalnya memberi penjelasan tentang istilah metafora '*black dog*' yang sangat bersifat ekspresif dan tidak memerlukan penjelasan mendalam. Gabungan antara perkataan '*black*' dengan '*dog*' yang mengandungi unsur konotasi negatif sudah mencukupi dalam memberi penginterpretasian hal seseorang mengalami masalah kemurungan. Foley (2005) juga mengatakan '*black dog*' sudah berkurun lamanya dalam kalangan masyarakat barat apabila pertama kali diperkenalkan oleh Samuel Johnson pada tahun 1776 dan mula dikembangkan oleh Churchill (1953). Metafora '*black dog*' membawa maksud kegelapan (*blackness*) dan penerangan yang sangat tepat berkaitan kemurungan (*seems an eminently apt description about depression*) apabila diertikan sebagai; peneman yang sentiasa ada (*ever-present companion*), bersembunyi di sebalik bayang-bayang (*lurking in shadows*), kejam dan tidak dapat dijangka (*sinister and unpredictable*), mempunyai kebolehan dalam mengawal kehidupan seseorang, dan sebagainya (Foley, 2005). Tambahan pula, menurut Adler (1991) masyarakat barat mempercayai '*black dog*' dalam mimpi juga membawa aura negatif apabila berkonotasi sebagai suatu kematian dan mempunyai kisah mimpi buruk di sebaliknya iaitu seekor anjing hitam yang menindas seseorang ketika tidur (*oppressive black dog crushing the sleeper's chest*).

Jelasnya, manusia yang menghadapi masalah kemurungan akan memanfaatkan metafora sebagai cara untuk meluahkan perasaan mereka. Charteris-Black (2012) menjelaskan bahawa kemurungan dapat disampaikan dengan berkesan melalui metafora (*communicated effectively through metaphor*) kerana melibatkan input linguistik utama seperti pemikiran konseptual dan sumber afektif¹ (*conceptual and affective resources*) yang dapat mendedahkan keadaan sebenar pengalaman kemurungan tersebut. Di samping itu, analisis metafora juga boleh digunakan untuk mengesan perubahan dari segi terapi mental pesakit (*therapeutic change*) dan satu perlambangan yang relevan dalam menginterpretasikan pengalaman seseorang manusia (Levitt et al. 2000).

Seterusnya, menurut portal rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia atau *Ministry of Health Malaysia* (MOH) (2012), kemurungan adalah suatu gangguan perasaan yang menyebabkan seseorang itu merasa sedih yang berpanjangan, keletihan, dan ketiadaan tenaga, cepat marah serta hilang minat dalam aktiviti harian. Punca kemurungan juga disebabkan oleh beberapa perkara tertentu seperti perubahan kimia dalam otak iaitu berlaku ketidakseimbangan kimia (neurotransmitter serotonin dan norepinephrine), baka keturunan seseorang yang mempunyai keluarga yang pernah menghidapinya, faktor-faktor persekitaran (sama ada peristiwa hidup dan kekurangan sokongan keluarga sosial), corak pemikiran (corak tertentu dalam pemikiran yang boleh mencetus kemurungan, termasuklah bagaimana persepsi kita kepada diri sendiri, kehidupan, dan dunia keseluruhannya), kehilangan orang yang disayangi, dan sebagainya (MOH, 2012). Justeru, keperluan untuk meneliti aspek linguistik dalam kalangan individu yang mengalami kemurungan mampu membantu dari segi pengenalpastian tanda-tanda kemurungan seperti penggunaan bahasa, pemilihan leksikal, ungkapan yang menggambarkan emosi dan bahasa tubuh (non-verbal), tindak balas, kekerapan, dan pengulangan penggunaan perkataan dalam komunikasi serta bunyi-bunyi sebutan (Umaimah Kamarulzaman et al. 2023).

¹Afektif berkaitan dengan perasaan, emosi, atau tingkah laku seseorang dalam berkomunikasi (Leech, 1981).

1.1 Pernyataan Masalah

Ternyata, isu kemurungan harus diberi perhatian khususnya dalam menghuraikan aspek linguistik. Menurut Reali et al. (2015), metafora yang dikatakan sebahagian daripada peranti linguistik (*linguistic tools*) berfungsi untuk memahami proses pembingkaihan (*framing*) masalah psikologi. Dari perspektif bidang psikologi, metafora dalam kemurungan atau *metaphor of depression* dianggap sebagai satu daripada rawatan alternatif pesakit-pesakit yang menghadapi masalah kemurungan. Sebagai contoh kajian Levitt et al. (2000) menunjukkan analisis metafora boleh digunakan untuk mengesan perubahan dari segi terapi mental pesakit (*therapeutic change*) dan sebagai satu perlambangan yang sangat relevan dalam menginterpretasikan pengalaman manusia. Levitt et al. juga menyatakan bahawa analisis metafora sebagai salah satu proses untuk mengurangkan beban atau *the process of unloading burden*. Kajian Levitt et al. telah membuka pandangan baru mengenai metafora kerana pada mulanya metafora dikaji hanya untuk melihat penggunaannya sahaja. Seperti yang dinyatakan oleh Koudria et al. (2019), aspek metafora kadangkala tidak menjadi perhatian utama dalam kalangan ahli psikologi kerana dianggap sebagai data mentah sahaja.

Maka, tugas penelitian aspek metafora menjadi tanggungjawab seseorang ahli bahasa untuk merungkainya dengan lebih mendalam. Tambahan pula, rata-rata kajian yang dijalankan lebih memfokuskan teras disiplin ilmu psikologi dalam menjelaskan metafora kemurungan tersebut (Smith, 1960; McMullen, 1999; Kok, J. K et al. (2014); Raiisi, F. et al. 2022). Oleh hal yang demikian, dapat dikenal pasti kajian yang berlandaskan perspektif linguistik dilihat sangat berpada dan memerlukan pengkaji bahasa untuk memberi fokus terperinci. Perkara tersebut diakui oleh Umaimah Kamarulzaman et al. (2023) iaitu kurangnya kajian berdasarkan perspektif bahasa dan linguistik dijalankan sebelum ini. Salihah Ab. Patah et al. (2021) juga turut membuktikan bahawa kajian metafora kemurungan sebelum ini lebih cenderung menggunakan perspektif psikologi semata-mata. Sehubungan itu, pengkaji cuba memerihalkan aspek metafora kemurungan menerusi landasan perspektif linguistik khususnya semantik kognitif.

1.2 Objektif Kajian

Bagi memenuhi keperluan kajian, terdapat dua objektif yang perlu dilaksanakan iaitu:

- i) mengenal pasti metafora kemurungan dalam kalangan pengguna media sosial yang mengalami masalah kemurungan.
- ii) menganalisis makna metafora kemurungan dalam kalangan pengguna media sosial yang mengalami masalah kemurungan.

2. Sorotan Literatur

Berdasarkan pengamatan, dapat dinyatakan penyelidikan berkaitan metafora kemurungan kebanyakannya dijalankan dalam bahasa Inggeris dan bahasa asing yang lain seperti bahasa Cina, bahasa Sepanyol, bahasa Catalan, dan sebagainya. Dengan kata lain, kajian yang meneliti metafora dalam kemurungan kurang mendapat tempat dalam kalangan ahli sarjana tempatan. Selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Salihah Ab Patah et al. (2021) iaitu kajian metafora yang merentas disiplin linguistik seperti bidang psikologi kurang mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji tempatan berbanding dengan pengkaji barat.

Sebenarnya, kajian metafora kemurungan boleh dikatakan masih baharu dalam kalangan sarjana tempatan. Penyelidikan yang dilakukan terhadap metafora atau bahasa kemurungan juga dilihat masih terhad dan kurang dibincangkan secara menyeluruh. Hanya terdapat beberapa pengkaji sahaja yang menelusurinya dengan lebih terperinci. Antara pengkaji awal yang tampil ialah Salihah Ab. Patah et al. (2021) dan Umaimah Kamarulzaman et al. (2023). Berikut merupakan penghuraian lebih mendalam berkaitan kajian-kajian lepas:

2.1 Kajian Kemurungan dalam Kalangan Sarjana Tempatan

Kajian metafora kemurungan dalam kalangan sarjana tempatan dianggap kurang menjadi aspek penting yang dibincangkan. Kebanyakan ahli sarjana lebih memfokuskan masalah kemurungan berdasarkan

perspektif psikologi, sosiologi, kajian literatur, dan sorotan awal sahaja. Berikut merupakan contoh kajian yang dijalankan dalam kalangan ahli sarjana tempatan berkaitan kemurungan:

Jadual 1

Kajian Kemurungan dalam Kalangan Sarjana Tempatan

Nama Pengkaji	Perspektif Kajian
Saharani Abdul Rashid et al. (2011)	Perspektif psikologi
Rohany Nasir et al. (2015)	Perspektif psikologi
Mohd Suhaimi et al. (2016)	Perspektif psikologi & sosiologi
Nor Ba'yah Abdul Kadir et al. (2018)	Perspektif psikologi
Mohd Suhaimi Mohamad et al. (2018)	Perspektif psikologi
Azlina Mohd Khir et al. (2020)	Perspektif psikologi & sosiologi
Nur Ashidah Yahya et al. (2020)	Sejarah dan kajian literatur
Nurul Sofiah Ahmad Abd Malek et al. (2020)	Perspektif sosiologi
Nur Shyahirah Mahpis et al. (2020)	Perspektif sosiologi
Khadijah Nasrah et al. (2021)	Perspektif sosiologi
Abdul Rashid Abdul Aziz (2021)	Perspektif sosiologi
Che Zarrina Sa'ari et al. (2021)	Perspektif psikologi islam
Norfatmazura Che Wil (2021)	Perspektif psikologi & sosiologi
Salihah Ab Patah et al. (2021)	Perspektif linguistik (semantik kognitif)
Najihah Abd Wahid et al. (2022)	Kajian sorotan awal terhadap gejala kemurungan
Tuan M. Iqbal Tuan M. Salman et al. (2022)	Perspektif sosiologi
Siti Munirah Abd Kahar (2023)	Perspektif sosiologi
Umaimah Kamarulzaman et al. (2023)	Perspektif linguistik (korpus linguistik dan leksis kemurungan)

Berdasarkan Jadual 1 tersebut, jelas dilihat bahawa ahli sarjana tempatan lebih memfokuskan masalah kemurungan dalam perspektif psikologi dan sosiologi. Terdapat juga beberapa aspek yang dikaji seperti kajian sejarah dan sorotan literatur. Di samping itu, jika diteliti, kebanyakan kajian berkaitan kemurungan semakin berkembang pada tahun 2020 sehingga tahun 2022. Hal ini demikian kerana, tempoh dua tahun berikut merupakan tempoh selepas berlakunya pandemik COVID-19.

Sepanjang tempoh tersebut berlaku peningkatan masalah kemurungan terutamanya dalam kalangan masyarakat Malaysia. Perkara ini dapat dibuktikan melalui masalah kesihatan mental yang menunjukkan peningkatan dengan statistik individu yang mendapatkan sokongan menerusi Talian Bantuan Perkhidmatan Sokongan Psikososial (MHPSS) iaitu inisiatif di bawah Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meningkat lima (5) kali ganda bagi tahun 2022 berbanding tahun 2020 (Berita Harian, 10 Oktober 2022). Seterusnya, hanya kajian Salihah Ab Patah et al. (2021) dan Umaimah Kamarulzaman et al. (2023) sahaja yang memerikan perspektif linguistik menerusi pengkajian kemurungan iaitu metafora dan bahasa kemurungan.

2.2 Kajian Metafora Kemurungan dalam Kalangan Sarjana Tempatan dan Barat

Penyelidikan oleh Salihah Ab. Patah et al. (2021) memerihalkan metafora konseptual 'rasa' yang berasaskan data korpus dalam kalangan pesakit kemurungan. Kata 'rasa' dalam data korpus dianalisis untuk melihat cara pesakit gangguan kemurungan *major* atau *Major Depression Disorder* (MDD) mengekspresikan emosi kesedihan, kekecewaan, dan putus harapan yang disampaikan melalui ungkapan tersirat. Bagi menjelaskan aspek metafora konseptual kata 'rasa' tersebut, para pengkaji memanfaatkan Teori Metafora Konseptual (TMK) oleh Lakoff dan Johnson (1980), analisis metafora sistematik oleh Cameron et al. (2010), dan Prosedur Pengidentifikasian Metafora (PPM) oleh Kumpulan Pragglejaz (2007). Kajian ini berbentuk kajian kes kualitatif iaitu pengaplikasian data korpus berkomputer yang ditranskripsi berdasarkan data korpus sendiri (*DIY Corpus*). Data korpus yang dibangunkan sendiri diperoleh berdasarkan data transkripsi temu bual pengkaji terhadap individu yang mengalami gangguan kemurungan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

Sebanyak 61% kata ‘rasa’ berkenaan rangkuman bahasa emosi dan perasaan seseorang yang ditemukan dalam data korpus. Di samping itu, kajian mendapati 87% metafora linguistik mengkonseptualkan metafora kemurungan. Analisis menunjukkan bahasa Melayu mempunyai set metafora yang sama dengan kajian lepas apabila metafora kemurungan yang telah diidentifikasikan sangat relevan dengan pemetaan metafora konseptual sedia ada, iaitu KEMURUNGAN IALAH KEJATUHAN, KEMURUNGAN IALAH SIMPTOM FIZIKAL, KEMURUNGAN IALAH BENDA, KEMURUNGAN IALAH ORGANISMA HIDUP, KEMURUNGAN IALAH PERJALANAN dan KEMURUNGAN IALAH PEPERANGAN. Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan oleh Salihah Ab. Patah et. al (2021) sedikit sebanyak membantu untuk mengemukakan satu lagi penyelidikan aspek linguistik yang baharu tentang metafora kemurungan. Perihal kesamaan dengan kajian yang dijalankan adalah dari segi penggunaan teori iaitu Teori Metafora Konseptual (TMK) dan Prosedur Pengidentifikasian Metafora (PPM). Namun, terdapat perbezaan dengan kajian yang dijalankan. Pertama, kelainan dari segi data kajian. Salihah Ab. Patah memanfaatkan data kajian daripada lapangan iaitu transkripsi data temubual manakala kajian ini menggunakan data analisis kandungan teks yakni transkripsi daripada himpunan *posting* di media sosial *Facebook*.

Kemudian, dari segi perbezaan sarjana dalam pendekatan TMK; pengkaji memilih Kövecses (2002) berbanding Lakoff & Johnson (1980) kerana Salihah Ab.Patah (2021) ada menyatakan bahawa TMK hanya mampu menginterpretasikan makna ungkapan metafora pada peringkat pemetaan. Kemunculan Kövecses (2002) dalam memberi penambahbaikan terhadap TMK merupakan salah satu usaha bagi memastikan aspek metafora konseptual lebih signifikan untuk digunakan.

Kajian seterusnya oleh Umaimah Kamarulzaman et al. (2023) yang berlandaskan kepada perincian pola bahasa kemurungan di media sosial dengan berasaskan analisis korpus linguistik. Tujuan kajian dijalankan adalah untuk meneliti dan menyediakan input linguistik berdasarkan kumpulan pesakit yang mengalami masalah kemurungan dan kesihatan mental di media sosial. Pelaksanaan dalam penelitian dan penyediaan input linguistik tersebut dirungkai dengan menggunakan pendekatan linguistik korpus dan Teori Semantik Prosodi oleh Firth (1975). Kajian ini berbentuk kualitatif menerusi penerapan analisis kandungan teks yang memanfaatkan himpunan data korpus secara digital melalui perisian *Lancsbox 6.0*. Perisian *Lancsbox 6.0* tersebut menghasilkan pelbagai jenis analisis korpus seperti; *Key Word in Context* (KWIC) membolehkan pengkaji melihat kata kunci dalam konteks yang digunakan dalam teks, *Graphcoll* dan *Whelk* membantu dalam visualisasi jaringan kata-kata yang digunakan dalam korpus, *Ngrams* pula membolehkan pengkaji menganalisis penggunaan sekumpulan kata yang bersebelahan dalam teks, *Wordlist* berperanan dalam memaparkan frekuensi kata-kata dalam korpus, *Text* dan *Wizard* pula membolehkan analisis terperinci mengenai aspek linguistik tertentu dalam korpus.

Berdasarkan analisis korpus yang dinyatakan, kajian Umaimah Kamarulzaman et al. (2023) mengaplikasikan pendekatan Teori Semantik Prosodi bagi memastikan kepenggunaan sesuatu leksis memperlihatkan nilai sebenar lexis-leksis tersebut. Dapatan kajian berjaya menghasilkan tiga dapatan utama iaitu lexis emosi dalam korpus bahasa kemurungan, kata adjektif dalam korpus bahasa kemurungan, dan kata ganti nama diri dalam korpus bahasa kemurungan. Dapatan pola bahasa seperti senarai kekerapan leksikal, penggunaan unsur emosi, kata adjektif serta pelbagai elemen bahasa didapati menyumbang kepada pola serta gaya komunikasi para pesakit kemurungan. Keseluruhannya, kajian ini ternyata membuka satu pandangan sisi baharu yang boleh membantu para pengkaji linguistik untuk menerokai pola bahasa kemurungan dengan lebih mendalam.

Persamaan yang dapat dilihat dengan kajian yang dijalankan adalah dari segi penggunaan data kajian. Kedua-dua kajian mengambil data daripada himpunan teks menerusi *posting* yang dimuat naik oleh komuniti pesakit kemurungan di laman komuniti siber iaitu kumpulan *Depression Survivors* (Malaysia) yang kini mencecah 22.9 ribu ahli. Manakala perbezaannya adalah dari segi pengaplikasian teori dan tema kajian. Dari segi pengaplikasian teori, kajian yang dijalankan memfokuskan aspek metafora konseptual berbanding kajian Umaimah Kamarulzaman et al. (2023) ini cenderung memanfaatkan pendekatan linguistik korpus dan Teori Semantik Prosodi. Selain itu, dari segi tema kajian, walau kedua-duanya merupakan kajian yang berlandaskan perspektif linguistik, namun masih mempunyai sedikit perbezaan iaitu; kajian yang dijalankan lebih memperincikan metafora kemurungan

dalam aspek semantik kognitif manakala kajian Umaimah Kamarulzaman et al. (2023) meneliti pola bahasa kemurungan yang terdiri daripada leksik-leksis kemurungan.

Seterusnya adalah penghuraian berkaitan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh ahli sarjana barat. Misalnya, kajian Levit et al. (2000) melihat kepentingan analisis metafora dalam rawatan kemurungan, kajian Pritzker (2003) meneliti peranan metafora menerusi budaya (*culture*), kesedaran (*consciousness*), dan kognisi (*cognition*) dalam sistem perubatan kemurungan di China dan Barat, kajian Schoeneman et al. (2004) mengkaji aspek metafora kemurungan berdasarkan memoir William Styron (*Darkness Visible*) yang memfokuskan kepada fenomena psikologi dari segi rawatan (*treatment*) dan pemulihannya (*recovery*), kajian Pritzker (2007) menyelusuri penggunaan metafora melalui pemikiran dan perasaan (*thinking hearts and feeling brains*) individu-individu berbangsa Cina yang menghadapi masalah kemurungan.

Kajian Kaviani H. et al. (2011) memfokuskan pengkajian kualitatif dan kuantitatif tentang metafora yang digunakan oleh pesakit kemurungan dalam kalangan masyarakat Iran, kajian Demjen (2014) menunjukkan bagaimana pendekatan linguistik boleh dimanfaatkan untuk memberi pemahaman lebih mendalam terhadap pengalaman hidup (*lived experience*) seseorang yang mengalami gangguan psikologi (*psychological disorders*), kajian El Refaie (2014) memperlihatkan metafora kreatif kemurungan (*creative metaphors of depression*) yang tersirat berdasarkan memoir grafik (*graphic memoirs*) oleh penulis-penulis komik, kajian Bartczak (2015) mengkaji representasi kognitif (*metafora konseptual*) menerusi masa lalu (*past*), masa depan (*future*), kesedihan (*sadness*), kegembiraan (*happiness*) dalam kalangan subjek yang menghadapi kemurungan (*depressive*) dan bukan kemurungan (*non-depressive*).

Seterusnya, kajian Shoushtari (2015) melihat keberkesanan (*effectiveness*) terapi metafora dalam kalangan pelajar perempuan yang menghadapi masalah kemurungan, kajian Reali et al. (2015) menunjukkan peranan pendekatan linguistik (*linguistic framing*) dalam perspektif psikologi menerusi masyarakat Sepanyol, kajian Forceville et al. (2018) mengkaji aspek metafora kemurungan dalam filem animasi pendek yang bisu (*short and wordless animation*), kajian Jumaili et al. (2021) meneliti pendekatan kognitif (*cognitive approach*) terhadap metafora kemurungan selepas bersalin (*metaphors of postpartum depression*) yang dinyatakan dalam novel Elif Shafak iaitu "*Black Milk*", kajian Coll-Florit et al. (2021) mengkaji metafora kemurungan dalam kalangan individu yang meluahkan masalah kemurungan menerusi catatan sesawang atau *blogs*, kajian Han et. al (2022) memfokuskan pengesanan kemurungan di media sosial *Twitter* berdasarkan pemetaan konsep metafora (*metaphor concept mappings*).

Tegasnya, kekurangan dalam penyelidikan metafora kemurungan dalam kalangan sarjana tempatan jelas membuktikan kajian mengenai semantik kognitif masih memerlukan pengkaji baharu untuk mendalaminya secara lebih terperinci. Di samping itu, kajian yang dilakukan cuba untuk mengisi kelompongan terhadap penyelidikan yang telah dijalankan oleh pengkaji lalu. Secara tidak langsung, usaha yang dilakukan oleh pengkaji diharap menambah helaian baharu dalam bidang semantik kognitif.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada pendekatan kualitatif yang merangkumi analisis kandungan teks. Penyelidikan yang berbentuk kualitatif mementingkan fenomena naturalistik dan permasalahan tertentu (*naturalistic and situated concern*) sebagai teras utama yang kebiasaannya dikaji menerusi perspektif seseorang individu berdasarkan konteks tertentu (Denzin & Lincoln, 2011). Othman Lebar (2015:10) turut mengakui bahawa penyelidikan kualitatif melibatkan pelbagai metode serta didasari oleh andaian falsafah pendekatan interpretif dan naturalistik bagi mendapatkan gambaran yang menyeluruh tentang sesuatu fenomena atau masalah yang dikaji.

Analisis kandungan teks atau dokumen (*content analysis*) merupakan salah satu metodologi yang memanfaatkan teknik mengumpul dan menganalisis kandungan sesuatu teks (*gathering and analysing the content of text*). 'Kandungan' di sini merujuk kepada perkataan, makna, gambar, simbol, idea, tema, atau sebarang mesej yang disampaikan (*to be communicated*) manakala 'teks' pula melibatkan sesuatu yang ditulis (*anything written*), visual, atau bahasa lisan yang berfungsi sebagai


medium untuk berkomunikasi (*spoken that serves as a medium for communication*) (Neuman, 1997). Bertepatan dengan kajian yang dilakukan dengan mengutamakan analisis kandungan teks daripada himpunan *posting* di media sosial *Facebook*.

3.1 Data Kajian

Pemilihan data daripada media sosial *Facebook* dianggap relevan untuk dijadikan sebagai data kajian kerana media sosial adalah di antara platform komunikasi penting yang menjadi tempat untuk seseorang individu berkongsi emosi dan perasaan mereka secara meluas terutamanya menerusi komuniti laman rangkaian sosial (*sharing emotions with large and diverse groups on social networking sites*) (Bazarova et al. 2015). Seterusnya, data daripada himpunan *posting* Kumpulan *Depression Survivors* (Malaysia) tersebut dipilih secara manual bagi memastikan proses pengenalpastian ungkapan yang terkandung unsur metafora kemurungan dapat dijalankan. Di samping itu, pengkaji juga merujuk kaedah Prosedur Pengenalpastian Metafora (PPM) dalam mengidentifikasikan ungkapan metafora tersebut. Tujuannya adalah untuk mengelakkan pengenalpastian metafora berdasarkan pemahaman atau intuisi pengkaji sendiri. Berikut merupakan langkah yang terdapat dalam kaedah PPM atau dikenali sebagai '*metaphor identification procedure*' (MIP) oleh kumpulan Pragglejaz (2007):

Rajah 1

Prosedur Pengenalpastian Metafora (PPM)




Sumber: Kumpulan Pragglejaz (2007)

Kemudian, setelah mengenal pasti ungkapan metafora kemurungan tersebut, pengkaji mengambil inisiatif untuk menganalisis makna di sebaliknya. Penganalisan makna ini dijalankan dengan berpandukan kepada Teori Metafora Konseptual (TMK) oleh Kövecses (2002). Berikut merupakan laman kumpulan *Depression Survivors* (Malaysia) yang dilayari untuk dijadikan sebagai data utama kajian:

Rajah 2

Laman Kumpulan *Depression Survivors* di Laman Media Sosial Facebook




Proses Pemerolehan Data

Pemerolehan data dibuat berlandaskan himpunan hantaran atau *posting* yang dimuat naik oleh pengguna media sosial Facebook. Tujuan pemilihan kumpulan *Depression Survivors* (Malaysia) adalah kerana ia merupakan platform yang mengumpulkan para pejuang individu dengan masalah kemurungan dan mempunyai catatan bilangan ahli tertinggi seramai 22.8 ribu ahli. Pentadbir atau dikenali sebagai *admin* mendeskripsikan peranan kumpulan ini sebagai satu daripada strategi untuk membantu golongan yang menghadapi kemurungan secara atas talian (*virtual support*).

Hal ini sedikit sebanyak membuka ruang kepada individu yang mengalami masalah kemurungan untuk berkongsi luahan mereka tanpa batasan. Proses pemerolehan data dijalankan selama sebulan lapan hari iaitu pada 9 Jun 2024 hingga 17 Julai 2024 bagi memperlihatkan penggunaan metafora kemurungan yang terkandung menerusi kumpulan *Depression Survivors* (Malaysia). Pemerhatian selama tempoh tersebut dilihat dengan meneliti *posting* berdasarkan penggunaan frasa yang menunjukkan aspek metafora kemurungan. Berikut merupakan beberapa prosedur yang harus dilakukan bagi memudahkan proses pemerolehan data:

Rajah 3

Prosedur Pemerolehan Data




Rajah 3 merupakan prosedur pemerolehan data kajian yang memerlukan tiga prosedur utama. Melalui prosedur pertama, pengkaji perlu mengakses laman kumpulan *Depression Survivors* (Malaysia) yang terdapat dalam media sosial *Facebook* bagi memulakan proses penganalisisan data kajian. Kemudian, terdapat prosedur kedua iaitu mengeluarkan data berdasarkan *posting* oleh ahli-ahli kumpulan tersebut. Tujuan himpunan *posting* diteliti adalah untuk mengenal pasti aspek penggunaan metafora kemurungan. Seterusnya, data kajian yang dikenal pasti kewujudan unsur metafora kemurungannya akan disenaraikan satu persatu.

Proses Penganalisisan Data

Terdapat beberapa langkah dalam proses menganalisis data kajian ini. Antaranya adalah seperti berikut:

Rajah 4

Proses Penganalisisan Data



Berdasarkan Rajah 4 tersebut, pada peringkat awal data-data disenaraikan untuk memastikan wujudnya unsur metafora kemurungan dalam sesuatu frasa atau ayat. Kemudian, proses pengenalpastian tersebut dilakukan terhadap unit-unit leksikal yang terdapat dalam keseluruhan kandungan frasa atau ayat dengan berlandaskan kepada pendekatan PPM. Akhir sekali, setelah proses pengenalpastian aspek metafora dijalankan, penganalisisan makna dijalankan dengan memanfaatkan TMK.

Kerangka Teori Metafora Konseptual (TMK)


TMK dipilih sebagai teori kajian adalah kerana kebolehpercayaannya (*reability*) sebagai sumber rujukan berpengaruh (*influential*) dalam kalangan pengkaji. Kövecses (2020:112) turut mengakui bahawa; '*In the past 40 years, conceptual metaphor theory (CMT) has become the most influential theory of metaphor*'. Pengkaji lebih memilih TMK yang diadakan oleh Kövecses berbanding pelopor sebenar teori ini iaitu Lakoff & Johnson (1980). Perkara ini disebabkan oleh penambahbaikan yang telah diaplikasikan. Menurut Kövecses (2008:168), TMK yang dianggap sebagai teori asas metafora dalam kalangan ahli sarjana sering menerima pelbagai kritikan menerusi tempoh dua dekad yang lalu. Oleh hal yang demikian, Kövecses cuba tampil untuk memberi penambahbaikan. Salah satu penambahbaikan yang dilakukan adalah dari segi pendefinisian TMK iaitu; Kövecses memberi maksud TMK sebagai 'dua domain pengalaman' ('*two domains of experience*') bagi menggantikan definisi asas TMK yang diberikan oleh Lakoff & Johnson iaitu 'memahami satu domain dengan domain yang lain' ('*understanding one domain in terms of another*') (Zhang, 2021).

Kemudian, bagi memastikan kajian yang dijalankan ini menepati etika dalam penyelidikan, pengkaji akan merahsiakan segala maklumat berkaitan individu yang mengalami isu kemurungan. Tujuannya adalah untuk menjaga sensitiviti bagi pihak yang terlibat secara langsung. Seterusnya, Teori Metafora Konsepsi (TMK) atau dikenali sebagai *Conceptual Metaphor Theory* (CMT) merupakan tunjang kepada kerangka teori metafora. Hal ini demikian kerana TMK yang diasaskan oleh George Lakoff & Mark Johnson menerusi penulisan mereka; “*Metaphors We Live By*” (1980) dianggap sebagai pencetus utama bagi penyelidikan metafora. Perkara tersebut dapat dibuktikan oleh Kövecses (2017) yang menyatakan bahawa: sejak karya penyelidikan Lakoff & Johnson (1980) diterbitkan, terdapat sejumlah besar kajian yang menjadikan TMK sebagai rujukan mereka. Kebanyakan kajian ini sedikit sebanyak menyumbang kepada perkembangan teori metafora. Secara asasnya, TMK ini melibatkan dua elemen utama iaitu domain sumber (*main domain*) yang bersifat abstrak dan domain sasaran (*target domain*) yang bersifat konkrit. Berikut merupakan penjelasan TMK yang lebih terperinci berdasarkan pandangan Kövecses (2002):

- 1) Metafora didefinisikan sebagai satu pemahaman domain konseptual dari segi domain konseptual yang lain. Dua domain ini terdiri daripada domain sumber yang bersifat konkrit dan domain sasaran yang memiliki sifat abstrak.
- 2) Metafora konseptual juga terdiri daripada dua konseptual domain iaitu konsepsi domain (A) dan konsepsi domain (B).
- 3) Konsepsi domain ini juga berasal daripada pengetahuan dan pengalaman yang tersusun serta berhubung kait (*coherently organized knowledge*) dengan perjalanan hidup seseorang individu.
- 4) Domain sumber (*source domain*): Domain konseptual yang menggambarkan ungkapan metafora linguistik tertentu untuk memahami domain konsepsi yang lain.
- 5) Domain sasaran (*target domain*): Domain yang cuba difahami menerusi penggunaan domain sumber.
- 6) Misalnya, kehidupan (*life*), penghujahan (*arguments*), kasih sayang (*love*), buah fikiran (*ideas*), organisasi sosial (*social organizations*), dan sebagainya merupakan domain sasaran yang berpanduan kepada domain sumber seperti perjalanan (*journeys*), peperangan (*war*), bangunan (*buildings*), makanan (*food*), tumbuhan (*plants*), dan sebagainya.

Rajah 5

Teori Metafora Konseptual yang Menunjukkan Hubungan Antara Domain Konseptual A dan Domain Konseptual B



Sumber: Kövecses (2002)

Berdasarkan Rajah 5, dapat dilihat ilustrasi yang menggambarkan bagaimana perhubungan antara domain konseptual A dengan domain konseptual B saling berkait rapat antara satu sama lain. Domain sumber yang ditanda sebagai domain konseptual B cenderung mengemukakan konsep konkrit manakala domain sasaran yang ditanda sebagai domain konseptual A pula menunjukkan konsep abstrak. Kedua-dua domain ini juga perlu melalui proses pemetaan bagi menghasilkan satu metafora konseptual yang lengkap.

4. Analisis dan Perbincangan

Bahagian ini menjelaskan analisis metafora kemurungan yang terdapat menerusi himpunan *posting* kumpulan individu siber yang berjuang dengan kemurungan di media sosial *Facebook*. Analisis dan

perbincangan bersumberkan kepada objektif utama kajian iaitu dimulakan dengan mengenal pasti kewujudan aspek metafora kemurungan. Akhir sekali, pengkaji akan menganalisis makna di sebalik metafora kemurungan yang digunakan. Pelaksanaan dalam proses pengenaltastian, penganalisisan, dan pengkategorian adalah berdasarkan kepada teori utama kajian yang dikemukakan sebelum ini iaitu TMK oleh Kövecses (2002) dan Prosedur Pengenalpastian Metafora (PPM) oleh Kumpulan Pragglejaz (2007). Pengkaji juga merujuk laman Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), dan Kamus Dewan Perdana (2020). Berikut merupakan penjelasan yang lebih mendalam berkaitan analisis dan perbincangan kajian:

Data 1: “Hidup ini seperti dibaham ujian

Kelam
Kelam
Dan terus kelam
Sehingga mati di sepi yang kosong tanpa disedari
sesiapa yang lalu lalang
Aku sedang dengar teriak yang memberontak
Aku sedang lihat apungan **jiwa yang berderai**
Tapi apa aku mampu?”

Data 2: “Buat **jiwa yang terdera**

Buat diri yang kekeringan
Buat hati yang mengah kebebasan
Terima bungkusan cinta buat kalian
Aku tahu aku punya harapan
Di bawah bayu yang satu
Kita hela nafas yang sama
Seakan ada punca pengikat
Walau hati masing-masingnya berbeda”

Data 3: “luaran, senyum manis, di dalam, **hati menangis..**

luaran, tenang lembut, di dalam, ribut kabut..
luaran, subur mekar, di dalam, serabut menjalar..
luaran, mekar indah, di dalam lesu gundah..”

Jadual 2

Proses Pemetaan Domain yang Berlaku dalam Metafora Konseptual KEMURUNGAN ADALAH KECEDERAAN

Metafora Linguistik	Proses Pemetaan Domain	Metafora Konseptual
i) Jiwa yang berderai ii) Jiwa yang terdera iii) Hati menangis	i) Domain Sumber —→ Domain Sasaran Berderai —→ Jiwa ii) Domain Sumber —→ Domain Sasaran Terdera —→ Jiwa iii) Domain Sumber —→ Domain Sasaran Menangis —→ Hati	KEMURUNGAN ADALAH KECEDERAAN

Berdasarkan Jadual 2 yang diberikan, dapat dikenal pasti metafora linguistik ‘jiwa yang berderai’, ‘jiwa yang terdera’, dan ‘hati yang menangis’ mengkonseptualkan satu metafora konseptual yang lengkap iaitu KEMURUNGAN ADALAH KECEDERAAN. Salihah Ab. Patah et al. (2021) menyatakan metafora konseptual berlaku pada tahap kognitif dan dapat direalisasikan oleh metafora linguistik di mana metafora konseptual tersebut dapat dikesan sama ada melalui penggunaan bahasa lisan mahupun tulisan. Hal ini dapat dikenal pasti menerusi penggunaan metafora linguistik ‘jiwa yang berderai’, ‘jiwa yang terdera’ dan ‘hati menangis’ yang dapat mengkonseptualkan kehidupan sebagai suatu kesakitan yang melibatkan kecederaan emosi, situasi yang memberi tekanan atau terpaksa

menghadapinya seorang diri sehingga merasakan kehidupan yang dijalani penuh dengan penderitaan dan kesusahan.

Keseluruhannya, ketiga-tiga himpunan metafora linguistik ‘jiwa yang berderai’, ‘jiwa yang terdera’, dan ‘hati menangis’ mempunyai hubungan antara satu sama lain dalam menjelaskan keadaan seseorang individu yang mengalami kemurungan berasosiasi dengan sesuatu kecederaan. Hal ini demikian kerana kecederaan melibatkan jatuh (leksikal ‘berderai’ yang menginterpretasikan keadaan ‘jiwa yang jatuh dan hancur menjadi kepingan kecil’), kesakitan (leksikal ‘dera’ yang menggambarkan situasi seseorang individu ‘didera’ melalui tekanan disekelilingnya), dan tangisan (leksikal ‘menangis’ yang memperlihatkan keadaan seseorang itu akan menangis apabila mengalami sesuatu kecederaan emosi). Oleh itu, lahir sebuah metafora konseptual yang lengkap iaitu KEMURUNGAN IALAH KECEDERAAN.

Jika diperhatikan penggunaan leksikal ‘berderai’, ‘terdera’, dan ‘menangis’ mempunyai kaitan antara satu sama lain terutamanya dalam menerangkan keadaan seseorang mengalami kesakitan. Perkara ini dapat dijelaskan menerusi pendefinisian leksikal yang diberikan kepada ketiga-tiga perkataan tersebut. Sebagai contoh, ‘berderai’ yang membawa maksud salah satunya adalah hancur atau pecah halus-halus, (jatuh), berlanjutan atau berpanjangan dgn tidak teratur dan sebagainya (Kamus Perdana, 2020). Leksikal ‘berderai’ juga sering digunakan bagi menggambarkan suatu entiti yang jatuh dari tempat atas dan menyebabkannya tercampak ke bawah. Bertepatan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Nur Amirah Che Soh & Che Ibrahim Salleh (2014) iaitu kata ‘berderai’ dan ‘hancur’ digunakan untuk merujuk benda yang konkrit seperti gelas atau kaca yang telah jatuh dari tempat yang tinggi atau terhempas ke lantai. Walau bagaimanapun, ungkapan ‘jiwa yang berderai’ menunjukkan konsep abstrak ‘jiwa’ digantikan sebagai entiti konkrit tersebut. Hal ini memberi gambaran simbolik kepada jiwa dalaman yang hancur dan pecah secara halus akibat kekecewaan dan kesedihan melampau yang dihadapi.

Seterusnya, leksikal ‘terdera’ daripada ungkapan ‘jiwa yang terdera’ menunjukkan imbuhan ter- yang digunakan dalam perkataan ‘dera’ memberi makna suatu perbuatan yang tidak disengajakan atau berlaku di luar kawalan manusia. Secara khususnya imbuhan ter- menggambarkan perbuatan tak sengaja seperti yang diberi oleh penahu, misalnya tersepak, termakan, tertelan, dan terpijak (Norhasliza Ramli & Zeckqualine Melai, 2016). Oleh hal yang demikian, leksikal ‘terdera’ yang terdapat dalam ungkapan ‘jiwa yang terdera’ menjelaskan gambaran jiwa yang didera tanpa disedari berpunca daripada keadaan sekeliling. Keadaan sekeliling yang mungkin memberi tekanan kepada seseorang individu mengakibatkan jiwanya tanpa sedar mengalami kecederaan. Keadaan tanpa sedar tersebut adalah salah satu situasi diluar kawalan oleh individu yang menghadapi kemurungan. Hal ini menunjukkan pesakit yang mengalami kemurungan sangat mudah untuk terdedah kepada tekanan atau *patients with depression are often extremely vulnerable to stress, whether biological, cognitive or psychosocial* (Levitan, R, 2000). Selain itu, menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) perkataan ‘dera’ yang digunakan mempunyai maksud pukulan (dengan rotan, cemeti, dsb) sebagai hukuman, menyiksa atau menyakiti (hati, fikiran, dan lain-lain). Berdasarkan hal ini, ungkapan frasa ‘jiwa yang terdera’ jelas membuktikan hal seseorang yang ternyata mengalami kesakitan diakibatkan oleh keadaan sekelilingnya.


Manakala, leksikal ‘menangis’ daripada ungkapan metafora ‘hati menangis’ mengandungi maksud sebagai melahirkan perasaan duka dan lain-lain dengan mencururkan air mata dan sedu sedan dan lain-lain: ia masih gementar ketakutan dan ~ sedan-sedan. Melalui pendefinisian yang dikemukakan oleh *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015), dapat dijelaskan perkataan ‘menangis’ merangkumi perbuatan mengeluarkan air mata yang dilakukan oleh seseorang apabila perasaan sedih atau duka diselubungi dirinya. Jika dilihat penggunaan kata ‘menangis’ dalam konteks ungkapan ‘hati menangis’ menerangkan satu keadaan seseorang itu menyimbolkan perasaan sedihnya kepada ‘hati’ yang bersifat abstrak. Perkara ini dapat dibuktikan oleh Vingerhoets & Bylsma (2007) yang menjelaskan perbuatan menangis melahirkan perasaan sedih ini wujud berdasarkan peristiwa yang beremosi atau *important emotional events typically associated with the shedding of tears (in another word is crying)*. Seterusnya, perumpamaan frasa ‘hati menangis’ yang terhasil daripada pemetaan domain sumber leksikal ‘menangis’ kepada domain sasaran leksikal ‘hati’ menunjukkan perbuatan menangis tersebut adalah dengan mengeluarkan air mata daripada organ hati bukannya organ mata. Faktor penggunaan konsep

abstrak ‘hati’ di sini jelas melambangkan perasaan sebenar yang dialami kerana ‘hati’ secara umumnya merupakan tempat perasaan, kesedaran, keyakinan, dorongan (*drive*), dan juga tempat penerima hidayat Ilahi iaitu ‘hati nurani’ (Hashim Hj. Musa, 2008).

Berikut merupakan ilustrasi berkaitan himpunan metafora linguistik yang memetakan metafora konseptual KEMURUNGAN IALAH KECEDERAAN dan proses pemetaan domain yang terlibat pada tahap kognitif manusia:

Rajah 6


Contoh Ilustrasi Himpunan Metafora Linguistik yang Memetakan Metafora Konseptual KEMURUNGAN IALAH KECEDERAAN



Berdasarkan rajah 6 tersebut, dapat dibuktikan bahawa ungkapan metafora linguistik ‘jiwa yang berderai’, ‘jiwa yang terdera’, dan ‘hati menangis’ mengkonseptualisasikan suatu keadaan seseorang yang mengalami kecederaan. Keadaan seseorang yang dianggap sakit dan memerlukan pertolongan seperti yang paparkan melalui himpunan metafora linguistik tersebut telah memetakan metafora konseptual KEMURUNGAN IALAH KECEDERAAN. Seterusnya, pengkaji akan memaparkan ilustrasi berkaitan proses pemetaan domain yang berlaku dalam sistem kognitif manusia iaitu:

Rajah 7

Contoh Ilustrasi Pemetaan Metafora Konseptual yang Berlaku dalam Sistem Kognitif



Menerusi Rajah 7 yang dipaparkan, dapat dijelaskan proses pemetaan domain yang terdiri daripada domain sumber dan domain sasaran. Jika dilihat, domain sumber yang bersifat konkrit iaitu kecederaan merupakan teras utama bagi menjelaskan domain sasaran yang bersifat abstrak iaitu kemurungan. Prosedur pemahaman atau penyusunan konsep yang abstrak melalui pengalaman yang konkrit telah berhasil memetakan metafora konseptual KEMURUNGAN IALAH KECEDERAAN. Berdasarkan hal ini, dapat dijelaskan bahawa pengalaman dan perasaan yang berkaitan dengan emosi (*emotional intensity*) merupakan salah satu kegunaan metafora terutamanya dalam memahami konsep yang bersifat abstrak (Kövecses, 2002). Berikut merupakan analisis berkaitan himpunan metafora linguistik yang seterusnya:

Data 4: ‘Pujuk jiwamu

Belai gerak-gerimu
Moga mekar harapan yang lama terkubur
Semoga satu saat nanti
Boleh aku tersenyum lagi
Melihat engkau masih ada disisi’

Data 5: ‘Aku hulurkan tangan bersih

Buat sambutan kau kelak
Gapai malah berpautlah
Usap perasaanmu
Agar tidak sakit kau tersungkut nanti’

Data 6: ‘Aku masih gagal melembutkan hati isteriku’

Jadual 3

Proses Pemetaan Domain yang Berlaku dalam Metafora Konseptual KEMURUNGAN ADALAH KERAPUHAN

Metafora Linguistik	Proses Pemetaan Domain	Metafora Konseptual
i) Pujuk jiwa	i) Domain Sumber → Domain Sasaran	KEMURUNGAN ADALAH KERAPUHAN
ii) Usap perasaan	Pujuk → Jiwa	
iii) Melembutkan hati	ii) Domain Sumber → Domain Sasaran	
	Usap → Perasaan	
	iii) Domain Sumber → Domain Sasaran	
	Melembutkan → Hati	


Berdasarkan Jadual 3 yang dikemukakan, dapat dikenal pasti metafora linguistik ‘jiwa yang berderai’, ‘jiwa yang terdera’, dan ‘hati yang menangis’ mengkonseptualkan satu metafora konseptual KEMURUNGAN ADALAH KERAPUHAN. Menerusi data-data yang telah dikemukakan, dapat dikenal pasti himpunan metafora linguistik seperti ‘pujuk jiwa’, ‘usap perasaan’, dan ‘melembutkan hati’ mengkonseptualisasikan pengalaman individu yang menghadapi kemurungan dengan konsep abstrak ‘jiwa’, ‘perasaan’, dan ‘hati’ disasarkan kepada konsep konkrit ‘pujuk’, ‘usap’, serta ‘melembutkan’. Di samping itu, jika diamati satu persatu maksud leksikal ‘pujuk’, ‘usap’, dan ‘melembutkan’ iaitu: ‘pujuk’ membawa erti kata-kata yang sangat menarik untuk memikat hati, pemujukan perihal (perbuatan dan sebagainya), manakala ‘usap’ ialah menggosok perlahan-lahan, membelai, mengelus-elus, menggosok-gosok dada kerana kecewa dan lain-lain, ‘melembutkan’ pula mempunyai maksud menyebabkan jadi lembut, melembikkan, menyebabkan jadi lunak (perasaan, hati, dan lain-lain) dan sebagainya. Berdasarkan pendefinisian yang dikemukakan terhadap ketiga-tiga leksikal tersebut, dapat dijelaskan bahawa ‘pujuk’, ‘usap’ dan ‘melembutkan’ yang digunakan menerusi ungkapan metafora linguistik ‘pujuk jiwa’, ‘usap perasaan’, dan ‘melembutkan hati’ menginterpretasikan keadaan seseorang individu yang menganggap masalah kemurungannya dalam situasi kerapuhan. Bagaimanakah keadaan seperti ini dikatakan rapuh? Jika dilihat pendefinisian leksikal ‘rapuh’ dalam Kamus Dewan membawa erti sesuatu keadaan yang mudah patah, tidak teguh, tidak kuat, lemah, serta dikaitkan dengan keadaan rapuh hati dan rapuh jiwa. Berbalik kepada

penggunaan ungkapan ‘pujuk’, ‘usap’ dan ‘melembutkan’ ternyata membuktikan keadaan seseorang yang mengalami kerapuhan biasanya memerlukan penjagaan rapi disebabkan sifatnya yang tidak teguh, tidak kuat, lemah dan sebagainya.

Secara fizikalnya, kerapuhan melibatkan entiti mudah pecah atau rosak namun, dalam konteks individu yang mengalami kemurungan ini memperlihatkan keadaan emosi yang begitu lemah dan memerlukan empati² di sekeliling mereka. Menurut Warner (1991) tindak balas empati (*empathy respons*) merupakan salah satu respons terbaik dalam memahami individu yang menjalani proses kerapuhan atau *fragile process* tanpa menyebabkan perasaan mereka terganggu, trauma atau rasa tersisih untuk berkongsi pengalaman yang dihadapi. Proses kerapuhan yang berasosiasi dengan keadaan seseorang itu mudah terjejas dengan keadaan sekeliling atau *vulnerable* juga merupakan salah satu tanda kepada kemurungan (Persons & Miranda, 1992). Oleh hal yang demikian, kewujudan tanggapan masalah kemurungan sebagai sesuatu perkara yang rapuh ini dapat memetakan satu metafora konseptual lengkap iaitu KEMURUNGAN IALAH KERAPUHAN. Berikut merupakan ilustrasi berkaitan himpunan metafora linguistik yang memetakan metafora konseptual KEMURUNGAN IALAH KERAPUHAN tersebut dan proses pemetaan domain yang terlibat pada tahap kognitif manusia:

Rajah 8

Contoh Ilustrasi Himpunan Metafora Linguistik yang Memetakan Metafora Konseptual KEMURUNGAN IALAH KERAPUHAN




Melalui rajah 8 yang dipaparkan, dapat dibuktikan bahawa ungkapan metafora linguistik ‘pujuk jiwa’, ‘usap perasaan’, dan ‘melembutkan hati’ mengkonseptualisasikan kemurungan sebagai sesuatu perkara yang rapuh dan tidak kuat. Keadaan seseorang yang dianggap lemah dan memerlukan penjagaan rapi seperti yang diekspresikan melalui himpunan metafora linguistik tersebut cenderung memetakan metafora konseptual KEMURUNGAN IALAH KERAPUHAN. Seterusnya, pengkaji akan memaparkan ilustrasi berkaitan proses pemetaan domain yang berlaku dalam sistem kognitif manusia iaitu:

² Empati merupakan suatu daya menyelami dan memahami perasaan atau emosi orang lain (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Rajah 9

Contoh Ilustrasi Pemetaan Metafora Konseptual yang Berlaku dalam Sistem Kognitif



Menerusi rajah 9 yang diberikan, dapat diberi penjelasan berkaitan proses pemetaan domain yang terdiri daripada domain sumber dan domain sasaran. Jika dilihat, domain sumber yang bersifat konkrit iaitu sesuatu yang rapuh merupakan teras utama bagi menjelaskan domain sasaran yang bersifat abstrak iaitu kemurungan. Prosedur pemahaman atau penyusunan konsep yang abstrak melalui pengalaman yang konkrit telah berhasil memetakan metafora konseptual KEMURUNGAN IALAH KERAPUHAN.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, tinjauan awal kajian ini dapat membuktikan kewujudan penggunaan metafora kemurungan dan berhasil untuk merungkai bagaimana proses konseptualisasi metafora tersebut berlaku dalam kalangan individu yang menghadapi masalah kemurungan. Di samping dapat meningkatkan kesedaran tentang kemurungan, pengkajian metafora kemurungan dari segi perspektif linguistik juga mampu dijadikan salah satu landasan untuk memahami kepentingan peranan bahasa sebagai representasi pengalaman abstrak yang mungkin tidak mampu difahami secara literal terutamanya dalam menghuraikan cara seseorang individu menyampaikan perasaan sebenar mereka secara tersembunyi.

Rujukan

- Abdul Rashid Abdul Aziz et al. (2021). Implikasi Ketagihan Media Sosial Terhadap Kesihatan Mental Remaja Semasa Pandemik COVID-19. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 18 (8), 66-81.
- Adler, S. R. (1991). Sudden Unexpected Nocturnal Death Syndrome among Hmong Immigrants: Examining the Role of the "Nightmare". *Journal of American Folklore*, 54-71.
- Al-Jumaili et al. (2021). A Cognitive Approach to the Metaphors of Postpartum Depression in Elif Shafak's *Black Milk*. *Koya University Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(1), 35-44.
- Asmah Haji Omar. (2005). Budaya dan Bahasa Kiasan. *Jurnal Peradaban Melayu*, 3, 1-13.
- Azlina Mohd Khir et al. (2020). Sokongan Sosial, Penghargaan Kendiri dan Kemurungan dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 33-42.
- Bartczak et al. (2015). Cognitive Representations (Metaphorical Conceptualizations) Of Past, Future, Joy, Sadness And Happiness In Depressive And Non-Depressive Subjects: Cognitive Distortions In Depression At The Level Of Notion. *Journal of Psycholinguistic Research*, 44(2), 159-185.
- Bazarova, N. et al. (2015, February). Social Sharing of Emotions on Facebook: Channel Differences, Satisfaction, and Replies. In *Proceedings of the 18th ACM Conference on Computer Supported Cooperative Work & Social Computing* (pp. 154-164).
- Charteris-Black, J. (2012). Shattering The Bell Jar: Metaphor, Gender, and Depression. *Metaphor and Symbol*, 27(3), 199-216.
- Che Zarrina Sa'ari et al. (2021). Al-Halu' (Kecelaruhan Kebimbangan) dan Perbahasannya Serta Hubungannya dengan Psikologi Islam. *Jurnal Usuluddin*, 49(2), 135-169.

- Coll-Florit, M. et al. (2021). Metaphors of depression. Studying first person accounts of life with depression published in blogs. *Metaphor and Symbol*, 36(1), 1-19.
- Demjén, Zsófia. 2014. Drowning in negativism, self-hate, doubt, madness: Linguistic insights into Sylvia Plath's experience of depression. *Communication & Medicine*, 11, 11: 41-54.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (Eds.). (2011). *The Sage Handbook of Qualitative Research*. Sage Publications, Inc.
- El Refaie, E. (2014). Looking On The Dark And Bright Side: Creative Metaphors Of Depression In Two Graphic Memoirs. *a/b: Auto/Biography Studies*, 29(1), 149-174.
- Foley, P. (2005). 'Black Dog' as A Metaphor For Depression: A Brief History. *Black Dog Institute*, January.
- Forceville, C. (2013). Metaphor And Symbol: Searching For One's Identity Is Looking For A Home In Animation Film. Review of Cognitive Linguistics. *Spanish Cognitive Linguistics Association*, 11(2), 250-268.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Perdana. 2020. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kaviani et al. (2011). A Quantitative/Qualitative Study On Metaphors Used By Persian Depressed Patients. *Archives of Psychiatry and Psychotherapy*, 4(5-13), 110.
- Khadijah Nasrah et al. (2021). Pemikiran Bunuh Diri Dalam Kalangan Lelaki Gay Yang Mengalami Kemurungan: Satu Kajian Kes. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities (Al-'Abqari)*.
- Kok, J. K., & Lai, W. Y. (2014). Attending To Metaphor In Adolescence Depression. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 28(1), 51-64.
- Koudria, S., & Davtian, E. (2019) Word Meanings In Oral And Written Psychiatrist-Patient Communication. *GEMA Online Journal of Language Studies*.
- Kövecses, Z. (2002). *Metaphor : A Practical Introduction*. Oxford University Press.
- Han et al. (2022). Hierarchical Attention Network For Explainable Depression Detection On Twitter Aided By Metaphor Concept Mappings. *International Conference on Computational Linguistics*.
- Hashim Hj. Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Lakoff, G, & Johnson, M. (1980). *Metaphors We Live By*. University of Chicago Press.
- Leech, G. (1981). *Semantic: The Study Of Meaning Second Edition*. England: Penguin Book.
- Leviton, R. et al. (2000). Major depression and the involuntary defeat strategy: Biological correlates. In *Subordination and defeat* (pp. 95-118). Routledge.
- Levitt, H. et al. (2000). A metaphor analysis in treatments of depression: Metaphor as a marker of change. *Counselling Psychology Quarterly*, 13(1), 23-35.
- McMullen, L. M. (1999). Metaphors In The Talk Of " Depressed" Women In Psychotherapy. *Canadian Psychology/Psychologie Canadienne*, 40(2), 102.
- Muhammad Aidil Fikri Mohd Hamizi. (2023). Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 15, 24-37.
- Mohamad Suhaimi et al. (2018). Perbezaan Gender Tekanan Psikologikal Dan Kesihatan Mental Dalam Kalangan Pelajar Prasiswazah. *Jurnal Personalia Pelajar*, 21(1), 55-66.
- Mohd Syukri Anwar & Norhashimah Jalaluddin. (2021). Lipas dan katak dalam peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 25(2).
- Najihah Abd Wahid et al. (2022). Sorotan Awal Terhadap Gejala Kemurungan Di Malaysia [A Review On The Symptoms Of Depression In Malaysia]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 2(2), 31-42.
- Neuman, W. (1997). *Social Research Methods: Qualitative And Quantitative Approaches*. Needham Heights, MA: Allyn & Bacon.
- Nur Amirah Che Soh & Che Ibrahim Salleh. (2014). Keindahan bahasa dalam lirik lagu P. Ramlee. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 2(1), 103-111.
- Nur Ashidah Yahya et al. (2020). Pendekatan Tazkiyah Al-Nafs Dalam Menangani Masalah Kemurungan. *Al-Hikmah*, 12(1), 3-18.
- Nor Ba'yah Abdul Kadir et al. (2018). Kadar Prevalens Kemurungan dan Cubaan Bunuh Diri dalam Kalangan Remaja di Malaysia (The prevalence of depression and suicide attempts among adolescents in Malaysia). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(4).
- Norfatmazura Che Wil et al. (2021). Tahap Resilien Dan Kesihatan Mental Individu Di Era Pandemik Covid-19: Satu Kajian Empirikal Dalam Kalangan Remaja Di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 26-34.
- Norhashimah Jalaluddin. et al. (2011). Persepsi Politik dalam Dialek Kedah: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Linguistik*, 12(1).
- Norhasliza Ramli & Zeckqualine Melai. (2016). Imbuhan Ter-dari Perspektif Teori Relevans. *e-Bangi Journal*, 11.
- Nur Shyahirah Mahpis et al. (2020). Hubungan Sokongan Sosial Terhadap Kemurungan Dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(2), 1-10.

- Nurul Sofiah Ahmad Abd Malek et al. (2020). Peranan kesihatan mental sebagai moderator terhadap kecenderungan bunuh diri. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 5(1), 87-99.
- Othman Lebar. (2015). Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode. Perak: UPSI
- Persons, J. B., & Miranda, J. (1992). Cognitive theories of vulnerability to depression: Reconciling negative evidence. *Cognitive Therapy and Research*, 16, 485-502.
- Pragglejaz Group. (2007). MIP: A Method For Identifying Metaphorically Used Words in Discourse. *Metaphor and symbol*, 22(1), 1-39.
- Pritzker, S. (2003). The Role Of Metaphor In Culture, Consciousness, And Medicine: A Preliminary Inquiry Into The Metaphors Of Depression In Chinese And Western Medical And Common Languages. *Clinical Acupuncture and Oriental Medicine*, 4(1), 11-28.
- Pritzker, S. (2007). Thinking Hearts, Feeling Brains: Metaphor, Culture, And The Self In Chinese Narratives Of Depression. *Metaphor and Symbol*, 22(3), 251-274.
- Raiisi, F., & Riyassi, M. (2022). Cognitive Analysis Of Conceptual Metaphors For Depression From The Perspective Of Clinical Psychologists: A Qualitative Study. *Journal of Fundamentals of Mental Health*, 24(3), 145-151.
- Realí et al. (2016). How We Think About Depression: The Role Of Linguistic Framing. *Revista Latinoamericana de Psicología*, 48(2), 127-136.
- Reyes Pérez, A. (2012). Linguistic-Based Patterns For Figurative Language Processing: The Case Of Humor Recognition And Irony Detection (Disertasi Kedokteran, Universitat Politècnica de València).
- Rohany Nasir et al. (2015). Tahap Pengherotan Kognitif, Kesunyian, Kemurungan, Penghargaan Kendiri, Dan Sokongan Sosial Dalam Kalangan Wanita Hamil Luar Nikah (The Levels Of Cognitive Distortion, Loneliness, Depression, Self-Esteem, And Social Support Among Unwed Pregnant Women). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 29(2).
- Rozaimah Rashidin et al. (2023). Metafora akal, kehidupan dan fikiran dalam buku Falsafah Hidup karya Hamka. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 113–146.
- Saharani Abdul Rashid et al. (2011). Kesan Amalan Dan Status Kesihatan Terhadap Kemurungan Di Kalangan Warga Tua Lelaki Di Semenanjung Malaysia. Prosiding KONAKA Konferensi Akademik 2011, 6-7 Disember 2011, Universiti Teknologi MARA Pahang.
- Salihah Ab.Patah et al. (2021). Analisis Metafora Konseptual “RASA” Berasaskan Data Korpus dalam Kalangan Pesakit Kemurungan. *Jurnal Bahasa*, 21 (2), 241-272.
- Shoushtari, M. T. (2015). The Effectiveness Of Metaphor Therapy On Depression Among Female Students. *International Journal of Psychological and Behavioral Sciences*, 9(9), 3118-3122.
- Siti Munirah Abd Kahar et al. (2023). Kemurungan dan Penggunaan Internet dalam kalangan Pelajar Tingkatan 4 di Kawasan Luar Bandar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5).
- Siti Nur Izzaty Salit et al. (2017). Unsur Feminisme dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Linguistik*, 2(1).
- Smith, J. H. (1960). The Metaphor Of The Manic-Depressive. *Psychiatry*, 23(4), 375-383.
- Tuan M. Iqbal Tuan M. Salman et al. (2022). Faktor Kemurungan di Kalangan Pelajar Universiti Di Malaysia. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 1(1), 128-146.
- Umaimah Kamarulzaman et. al. (2023). Pola Bahasa Kemurungan di Media Sosial: Analisis Korpus Linguistik. *Jurnal Melayu*, 22 (2), 84-97.
- Vingerhoets, A., & Bylsma, L. (2007). Crying As A Multifaceted Health Psychology Conceptualisation: Crying As Coping, Risk Factor, And Symptom. *European Health Psychologist*, 9(4), 68-74.
- Warner, M. S. (1991). Fragile process. *New directions in client-centered therapy: Practice with difficult client populations*, 1-15.
- Zhang, X. (2021). Development and Critiques of Conceptual Metaphor Theory. *Theory and Practice in Language Studies*, 11(11), 1487-1491.

Biodata Penulis

Fatin Hakimah Mohammad Fadzil merupakan calon doktor falsafah dari Pusat Pengajian Pascasiswazah (Penyelidikan), Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor, Malaysia. Bidang kajian linguistik yang diminati ialah semantik kognitif dan leksikografi.

Rozaimah Rashidin (PhD) ialah pensyarah kanan Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor, Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah semantik, pragmatik, semiotik dan linguistik korpus.

Mohamad Nik Mat Pelet (PhD) ialah pensyarah kanan Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor, Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah pendidikan bahasa Melayu dan morfologi.